

20/10/2003

BN Terengganu, Kelantan bergabung hadapi Pas

Rokaid Chik

KOTA BHARU: Barisan Nasional (BN) Terengganu dan Kelantan akan bergabung bagi menguatkan jentera parti menentang Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN Terengganu, Datuk Idris Jusoh, berkata kerjasama dua hala sedang diatur bagi memastikan tumpuan sepenuh tenaga diberikan kepada usaha menggempur parti lawan.

Katanya, idea dan pandangan jentera parti kedua-dua negeri dapat membantu merangka strategi, selain mengatur gerak kerja lebih mantap menghadapi pilihan raya.

"Pengalaman Kelantan yang ditadbir Pas hampir 13 tahun penting bagi BN Terengganu menilai keberkesanan dan merangka strategi menghadapi Pas. Banyak isu yang boleh kita adakan kerjasama.

"Saya memang sentiasa mengadakan perbincangan dengan jentera parti BN dan Umno Kelantan khususnya dengan Datuk Mustapha Mohamad dalam mengatur penerangan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah pada majlis Malam BN Parlimen Kota Bharu, di Dewan Perkumpulan Perempuan Kelantan (PPK), di sini malam kelmarin.

Ceramah di kawasan parlimen itu mencatat sejarah apabila kira-kira 8,000 penyokong parti hadir, termasuk Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang juga Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim.

Idris berkata, kemenangan BN di kedua-dua negeri berkenaan penting sebagai hadiah bermakna kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara akhir bulan ini.

Sehubungan itu, katanya, BN akan terus menggempur Pas di Terengganu dan Kelantan dengan mengetengahkan lebih banyak isu, termasuk pembohongan.

"Banyak isu yang akan kita bangkitkan bersama berhubung pembohongan pemimpin Pas kepada rakyat, termasuk hudud yang sehingga kini gagal dilaksanakan dengan memberikan pelbagai alasan," katanya.

Dalam pada itu, Idris berkata, BN Terengganu yakin program Gelombang Biru di negeri itu membangkitkan kesedaran rakyat untuk menumbangkan kerajaan Pas.

"Kita melihat apa yang berlaku di Terengganu hari ini, sambutan rakyat terhadap BN amat mengagumkan, di mana mereka termasuk penyokong Pas sendiri mula memberi sokongan padu," katanya.

Sementara itu, Zaid berkata, kerajaan Pas Kelantan kini cemas berikutan rakyat mulai sedar dan bosan dengan sandiwara pemimpin parti itu yang lebih mementingkan diri.

Katanya, banyak pembohongan, penganiayaan dan janji dibuat kepada rakyat, tetapi gagal ditunaikan sehingga sekarang.

"Soal tanah di Mahligai, Gua Musang sehingga kini masih diperkatakan dan saya percaya Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan cuba mencari pelbagai alasan, termasuk menyerahkan geran selepas melakukan kesilapan besar," katanya.